

## **PENGGUNAAN TRUNKASI BAHASA KOLOKIAL DALAM KALANGAN PELAJAR**

**Zuraidah Muhidden**

Universiti Kebangsaan Malaysia  
zuekhir81@gmail.com

**Noorhanis Amran**

Universiti Kebangsaan Malaysia  
noorhanis91@yahoo.com

### **Abstrak**

Makalah ini membincangkan proses morfologi bahasa Melayu yang melibatkan trunkasi bahasa kolokial dalam kalangan pelajar. Fokus analisis adalah untuk mengenal pasti bentuk kependekan yang berlaku di samping fenomena-fenomena yang terhasil daripada bentuk kependekan itu. Kajian ini menggunakan data primer yang dikumpulkan daripada soal jawab dan pemerhatian yang dilakukan di sekitar Kolej Pendeta Za'aba dan Kolej Rahim Kajai di Universiti Kebangsaan Malaysia. Penelitian difokuskan kepada tiga golongan kata iaitu kata nama, kata adjektif dan kata kerja iaitu proses pemendekan yang terhasil daripada bentuk dasar yang penuh. Analisis dilakukan untuk meneliti proses pembentukan trunkasi tiga kelas kata tadi berdasarkan pendekatan yang dikenali sebagai templat berdasarkan morfem dalam Teori Prosodi Morfologi yang telah dibangunkan dalam Teori Optimaliti (seterusnya TO). Dapatan daripada analisis ini dapat menjelaskan bagaimana tiga proses fonologi yang berlaku dalam bahasa Melayu iaitu input trisilabik menjadi pemendekan disilabik seperti /harimau/ menjadi [rimau], input disilabik menjadi pemendekan monosilabik seperti /mercun/ menjadi [məcən] dan input disilabik menjadi pemendekan disilabik seperti /emas/ menjadi [mas]. Fenomena-fenomena morfologi yang terjadi akibat proses trunkasi juga dibincangkan seperti pengguguran suku kata awal dalam kata trisilabik dan disilabik, pengguguran likuida /l/ dan /r/ dan peleburan vokal berganding /u/ dan /a/.

**Kata kunci:** Melayu, trunkasi, kolokial, Teori Optimaliti

## **TRUNCATION USE LANGUAGE COLLOQUIAL AMONG STUDENTS**

### **Abstract**

This paper aim to examines morphological processes involving truncation in Malay colloquial language among students. The focus of the analysis is to identify the truncation form applicable in addition to the phenomena resulting from the short form. This study uses primary data collected from questionnaires and observations made at the Kolej Pendeta Za'aba and Kolej Rahim Kajai at Universiti Kebangsaan Malaysia. The study focuses on three parts of speech which are nouns, adjectives and verbs on the process of truncation of the full basic form. The analysis was conducted to investigate the process of forming the word truncation of three classes based on the approach in Prosodic Morphology Theory called morpheme-based template, which has been developed in Optimality Theory (henceforth OT). The results of this analysis could explain how the phonological processes of trisyllabic input truncated to disyllabic such as /harimau/ to [rimau], disyllabic input truncated to monosyllabic such as /mercun/ to [mæcɔn] and disyllabic input truncated to disyllabic such as /emas/ to [mas] occur in Malay. Morphological phenomena that occur due to truncation process are also discussed such as abortion of initial syllable in the word trisyllabic and disyllabic, abortion of liquid consonants such as / l / and / r / and joined vowels merging such as / u / and / a /.

**Keywords:** Malay, truncation, colloquial, Optimality Theory

### **PENDAHULUAN**

Pemendekan terhasil daripada pembentukan kata. Pembentukan kata mengandungi proses penggabungan atau percantuman morfem dasar dengan morfem lain, misalnya pengimbuhan, pemajmukan dan pengandaan. Walau bagaimanapun, terdapat pembentukan kata yang tidak menjadikan morfem sebagai asas untuk menghasilkan perkataan baharu, seperti yang terlihat dalam trunkasi, penggabungan, pengakroniman, dan pengabjadan (Muhammad Marwan Mohd Tanos & Nik Safiah Karim 2014). Proses pemendekan juga berlaku apabila sesuatu kata kehilangan atau mengalami pengguguran pada segmen atau suku katanya (Sharifah Raihan 2015).

Kajian ini membincangkan proses trunkasi dalam tiga golongan kata iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Tiga golongan kata ini dikaji kerana berdasarkan data yang dikumpulkan, para pelajar cenderung untuk menggunakan pemendekan ke atas tiga kelas kata tersebut. Bahasa Melayu juga memperlihat kekompleksan dalam kata yang terbentuk daripada proses trunkasi. Misalnya

terdapat kata nama yang menggugurkan suku kata awal seperti /harimau/ menjadi [rimau]. Berlaku juga pengguguran likuida /r/ di posisi onset dan koda seperti kata nama /periuk/ menjadi [piɔʔ], dan kata nama /pasar/ menjadi [pasa]. Pengguguran likuida /l/ bagi kata kerja /belasah/ menjadi [basah] juga berlaku. Akhir sekali, peleburan vokal seperti /suara/ menjadi [sorə]. Penelitian utama kajian ialah bentuk pendek atau output yang terhasil daripada trunkasi di samping fenomena kerencaman yang berlaku akan diterangkan sebagai penjelasan tambahan.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian tentang trunkasi dalam golongan kata bahasa Melayu belum mendapat perhatian sewajarnya daripada ahli linguistik dalam bidang fonologi, semantik dan morfologi (Sharifah Raihan 2015). Maksudnya di sini, proses pembentukan golongan kata nama seperti kata kerja, kata adjektif dan kata nama yang mengalami proses trunkasi masih belum menerima penjelasan yang bersifat teoretikal daripada pakar-pakar bahasa. Ini bermakna, analisis yang terperinci perlu dilakukan untuk mengenal pasti bentuk kependekan yang berlaku di samping fenomena-fenomena yang terhasil daripada bentuk kependekan itu. Misalnya dalam bentuk input disilabik menjadi pemendekan monosilabik seperti /mercun/ menjadi [mæcɔn], terdapat dua isu yang perlu dikaji. Perkara pertama ialah sebab bentuk pemendekan disilabik kepada monosilabik boleh berlaku dan keduanya fenomena morfologi yang terhasil iaitu pengguguran konsonan /r/ pada posisi koda suku kata pertama juga perlu diuraikan.

Melalui penelitian kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji luar dan dalam negara, kajian yang dilakukan hanya memfokuskan kepada fenomena yang berlaku pada pemendekan kata nama sahaja. Antaranya Lipski (1995) yang mengkaji pemendekan kata nama dalam bahasa Sepanyol, Avram (2010) pula mengkaji pemendekan kata nama bahasa Jepun dan bahasa Inggeris, Sharifah Raihan (2015) dalam jurnalnya mengkaji pembentukan kependekan kata nama Melayu, Cohn (2003) membincangkan pemendekan kata nama dalam bahasa Indonesia dan Alber (2010) pula mengkaji pemendekan kata nama dalam bahasa Itali serta Ito dan Mester (1997) mengkaji pemendekan kata nama dalam bahasa Jerman.

Proses pemendekan bukan sahaja berlaku dalam kata nama tetapi juga dalam golongan kata yang lain. Fenomena ini lebih ketara berlaku dalam bahasa basahan atau kolokial kerana bahasa jenis ini dituturkan setiap hari. Bahasa kolokial ini tidak mementingkan unsur tatabahasa kerana yang dipentingkan hanyalah kefahaman antara penutur dan pendengar. Antara ciri bahasa kolokial yang utama ialah bahasa ini sering memendekkan kata dan menggugurkan bahagian-bahagian tertentu dalam ayat. Imbuhan sering ditinggalkan sebaliknya digantikan dengan unsur-unsur isyarat dan gerak-geri untuk difahami oleh pendengar. Namun begitu, kajian ini tidak akan membincangkan aspek nahu dan

sintaks dalam bahasa kolokial. Perbincangan hanya menjurus kepada bentuk pemendekan yang terhasil daripada proses morfologi.

## TINJAUAN LITERATUR

Kajian tentang trunkasi pernah dilakukan oleh pengkaji dalam dan luar negara yang menggunakan pelbagai jenis data dan pendekatan seperti Teori Prosodi Morfologi dan T.O. Antara kajian lepas yang menggunakan Teori Prosodi Morfologi ialah Sharifah Raihan (2015), Cohn (2003), Avram (2010) dan Lipski (1995).

Sharifah Raihan (2015) telah mengkaji berkenaan pembentukan kependekan kata nama bahasa Melayu. Di dalam jurnalnya, beliau menerangkan pemendekan kata nama khas manusia dalam bahasa Melayu bersaiz sama ada disilabik atau monosilabik. Dalam bentuk pemendekan disilabik terdapat input disilabik seperti /husna/ menjadi [nana] dan input polisilabik iaitu /safwana/ menjadi [wana]. Manakala dalam bentuk pemendekan monosilabik pula, contoh input disilabik ialah /lilis/ menjadi [lis] dan input polisilabik ialah /mastura/ menjadi [mas]. Menurut beliau, tiada kependekan kata nama yang bersaiz lebih besar daripada disilabik. Saiz kependekan kata nama yang terhasil ini menerbitkan persoalan tentang syarat struktur suku kata yang ditetapkan untuk bahasa Melayu. Ini kerana keperluan minimal saiz perkataan dua suku kata telah disyaratkan dalam bahasa Melayu oleh penahu lepas. Persoalan ini berjaya dijawab menggunakan pendekatan templat berdasarkan morfem dalam teori prosodi morfologi yang dibangunkan dalam TO. Oleh itu, untuk menjelaskan bentuk pendek kata nama Melayu yang tidak sama dengan bentuk penuhnya, pengkaji telah menggunakan pendekatan Templat Berdasarkan Morfem (TBM). Pendekatan ini mencadangkan satu kekangan antikesetiaan iaitu DASAR≠KEPENDEKAN yang mensyaratkan bentuk pendek sesuatu kata nama tidak boleh sama dengan bentuk penuhnya. Dengan meletakkan kekangan antikesetiaan ini lebih tinggi daripada kekangan PEMENDEKAN= Kata Dasar Prosodi, maka output bagi kata nama itu tidak akan sama dengan bentuk dasarnya.

Cohn (2003), telah mengkaji unsur kependekan kata nama dalam bahasa Indonesia. Menurutnya, bahasa Indonesia menunjukkan keserupaan bentuk dalam pemendekan iaitu bentuk ringkas dalam panggilan dan kata nama penuh. Pemendekan kata nama Indonesia hanya berlaku pada nama-nama yang bersaiz bisilabik. Beliau berjaya membuktikan dua hipotesis dalam kajiannya. Hipotesis yang pertama ialah nama yang berakhir dengan suku kata terbuka akan menghasilkan pemendekan yang dibentuk daripada KVK pada awal nama atau KV pada suku kata akhir ditambah dengan hentian glotis (KV# + ?). Contohnya nama /rudy/ menjadi [rud] atau [di?] apabila dipendekkan. Hipotesis kedua pula ialah apabila kata nama yang bersuku kata tertutup KVK pada akhirnya dipendekkan, KVK tersebut akan menjadi bentuk pendeknya. Contohnya nama /butet/ menjadi [tet]. Walaupun bahasa Indonesia dilihat seakan sama dengan bahasa Melayu

tetapi input hasil daripada proses pemendekan tidak sama. Fenomena ini telah dijelaskan oleh Cohn. Sebagai contoh dalam bahasa Melayu kata nama /fazli/ akan menjadi /li/ atau /li?/ dalam Indonesia tetapi dalam bahasa Melayu /fazli/ akan menjadi /pali/. Cohn juga menyatakan bahawa kata nama bisilabik akan menjadi monosilabik apabila berlaku proses trunkasi. Menurutnya pemendekan bagi nama biasanya digunakan untuk nama timangan. Dalam bahasa Indonesia, bentuk pemendekan selalunya terdiri daripada suku kata tertutup dan tidak menerima suku kata terbuka.

Selain itu, Avram (2010) telah memfokuskan kajian beliau terhadap pemendekan kata nama dalam bahasa Jepun dan bahasa Inggeris. Dalam data beliau, terdapat banyak data bahasa Jepun yang berkaitan dengan fenomena pemendekan. Beliau telah mengasingkan data kepada empat bahagian sebelum menganalisisnya iaitu nama perempuan kampung, nama keluarga, dan pelanggan geisha atau bar. Dalam fenomena ini, beliau menyatakan terdapat penambahan dalam pemendekan nama seperti contoh -chan, -kun dan -san pada awal , akhir atau tengah kata nama. Manakala dalam bahasa Inggeris pula, fenomena yang berlaku adalah penggantian segmen-segmen dalam sebutan kata nama. Contoh yang dikemukakan oleh beliau seperti /richard/ menjadi [dick] dan bukan menjadi [rick]. Malah, trunkasi yang berlaku selalunya dimulakan dengan konsonan seperti /joseph/ menjadi [jo]. Menurut Avram lagi, pemendekan dalam bahasa Inggeris boleh hadir dalam bentuk disilabik atau monosilabik.

Dalam kajian Lipski (1995), beliau telah mengkaji pemendekan kata nama dalam bahasa Sepanyol. Menurutnya, dalam bahasa Sepanyol, kata nama terbahagi kepada dua jenis kata panggilan iaitu nama yang diberi mengikut ciri-ciri atau personaliti seseorang tanpa berkait dengan nama sebenar mereka. Kedua, nama yang terbentuk daripada proses fonologi yang dipanggil nama hipokoristik yang terbentuk daripada proses epentlich, pemendekan dan pengulangan. Contoh hipokoristik dalam bahasa Sepanyol ialah /robertito/ dan /albertito/ menjadi [tito] apabila dipendekkan. Beliau menyatakan bahawa semua pemendekan kata nama terbentuk apabila konsonan pada bahagian onset digabungkan dengan rima suku kata terakhir nama tersebut. Contohnya /lázaro/ menjadi [lacho]. Selain itu, gabungan suku kata yang telah mengalami proses fonologi melalui tekanan (stressed syllable) dengan suku kata terakhir telah menghasilkan nama singkatan seperti /càndida/ menjadi [canda]. Dalam bahasa Sepanyol juga terdapat pemendekan yang dikenali sebagai ‘pemudahan’ iaitu /rodolfo/ menjadi [fofo]. Namun begitu konsep ‘pemudahan’ ini tidak sama dengan pengulangan suku kata akhir seperti dalam bahasa Melayu iaitu /najwa/ menjadi [wawa]. Hal ini kerana, segmen /r/ dalam sebutan kata nama Rofo à Fofo yang pertama telah digugurkan tetapi segmen /f/ di awal dibunyikan secara automatik kerana telah mematuhi templet bahasa Sepanyol. Oleh itu, tidak berlaku pengulangan daripada /f/ yang kedua.

Selain daripada teori prosodi, TO juga telah diaplakisikan oleh pengkaji-pengkaji luar dalam mengkaji proses trunkasi. Sebagai contoh Alber (2010) telah

mengkaji kependekan kata nama dalam bahasa Itali dan Ito & Mester (1997) mengkaji trunkasi bagi nama timangan dalam bahasa Jerman.

Menurut Alber (2010) dalam bahasa Itali terdapat pengekalan segmen awal atau segmen mempunyai tekanan (stressed syllable). Beliau telah memaparkan data pemendekan seperti /francésca/ menjadi [frànce]. Fenomena ini telah membuktikan bahawa perkataan tersebut telah mengekalkan segmen awal pada kata nama tersebut. Selain itu, contoh kata nama /eleonóra/ menjadi [nóra] dan bukan [eleo]. Perubahan ini dijelaskan melalui pengekalan segmen yang mempunyai tekanan.

Ito dan Mester (1997) memperkenalkan pendekatan bukan templat bagi menghasilkan kesan templat bagi merumuskan asas pemendekan bagi nama timangan dalam bahasa Jerman. Bentuk yang dirumuskan itu ialah satu suku kata akan berkorresponden dengan permulaan kata dasar, kemudian akan diikuti oleh dasar konsonan dan akhiran -i. Misalnya nama /górbatshòw/ menjadi [górbì]. Menurut kedua-dua pengkaji ini, tidak wujud hubungan koresponden antara input dan output bentuk pemendekan. Mereka berandaian bahawa nama yang mengalami trunkasi tidak akan ada kesetiaan pada bentuk permukaan berbanding bentuk dasar. Jika mengikut pendekatan bukan templat, /górbatshòw/ menjadi [górbì], maka /gábriéle/ sepatutnya menjadi [gábri]. Namun sebaliknya yang berlaku iaitu /gábriéle/ menjadi [gábi]. Maka, [górbì] ialah kelompok maksimum dan [gábi] pula kelompok bukan maksimum. Bagi semua pemendekan, pemendekan tanpa akhiran -i mestи menjadi suku kata yang munasabah bagi bahasa Jerman iaitu mengasingkan koda yang mempunyai konsonan bersuara menjadi tidak bersuara. Oleh itu, bagi menjawab persoalan dua kelompok tadi, Ito dan Mester menyelesaikannya menggunakan Teori Simpati yang dibangunkan oleh Mc Carthy (1998). Teori ini menjana calon optimal yang diperluaskan kepada bentuk pasangan calon oleh perlakuan fonologi.

## METODOLOGI KAJIAN

Kaedah untuk mendapatkan data kajian ini ialah melalui dua cara iaitu soal jawab dan pemerhatian . Melalui soal jawab yang dijalankan di sekitar Kolej Rahim Kajai dan Kolej Pendeta Za'aba di Universiti Kebangsaan Malaysia, responden-responden dipilih secara rawak. Suatu senarai kata yang berjumlah 30 perkataan yang terdiri daripada kelas kata adjektif, kata kerja dan kata nama diberikan kepada mereka. Senarai kata itu diedarkan sebanyak 50 helai di kedua-dua buah kolej tersebut. Para responden dikehendaki menyebut senarai perkataan tersebut menggunakan bahasa kolokial dan bukannya bahasa Melayu standard. Soal jawab ini berlangsung dalam keadaan santai untuk memudahkan dapatan data yang autentik dan berkualiti.

Manakala melalui kaedah kedua, senarai kata yang diperlukan juga dikumpulkan melalui pemerhatian di sekitar kolej penginapan tadi, kafeteria, pondok bas, perbualan sesama rakan sekelas dan rakan seuniversiti, dan

sebagainya. Setelah data selesai dikumpulkan, data tersebut diasingkan mengikut ciri-ciri dan bentuk pemendekannya. Terdapat dua jenis bentuk pemendekan yang telah dikenal pasti iaitu pemendekan disilabik dan pemendekan monosilabik. Kedua-dua bentuk pemendekan ini pula dibahagikan lagi kepada tiga kumpulan iaitu pemendekan disilabik berinputkan trisilabik, pemendekan disilabik berinputkan disilabik dan pemendekan monosilabik berinputkan disilabik. Setiap bahagian ini dikaji berdasarkan kelas kata sama ada kata adjektif, kata kerja dan kata nama.

## **DATA KAJIAN**

### A) i. Pemendekan Disilabik: Input Trisilabik

#### a) Kata Nama (KN)

Input	Bentuk Pendek KN
selsema	[səmə]
harimau	[rimau]
tempayan	[payan]
ketupat	[tupat]
telekung	[ləkʊŋ]
gergaji	[gadʒi]
kepala	[palə]
gerobok	[gobo?]
periuk	[piʊʔ?]
seluar	[suʷa]
suara	[sorə]
kerusi	[kusi]
kereta	[ketə]
puasa	[posə]
kuasa	[kosə]

#### b) Kata Adjektif (KA)

Input	Bentuk Pendek KA
kesian	[siyan]
kecewa	[cewə]
seronok	[sono?]
selekeh	[sekeh]

c) Kata Kerja (KK)

Input	Bentuk Pendek KK
ketawa	[tawə]
terajang	[tadʒan]
belasah	[basah]
ii. Pemendekan Disilabik : Input Disilabik	

a) Kata Nama (KN)

Input	Bentuk Pendek KN
mercun	[məcɔn]
kartun	[katɔn]
sardin	[saden]
kertas	[kətas]
pasar	[pasa]
warna	[wanə]
cekur	[cəkɔ]

b) Kata Adjektif (KA)

Input	Bentuk Pendek KK
besar	[bəsa]
lebar	[leba]
lentur	[ləntɔ]
gemar	[gəma]

c) Kata Kerja (KK)

Input	Bentuk Pendek KK
kerja	[kədʒə]
terjah	[tədʒah]
kejar	[kədʒa]
sembur	[səmbo]

iii. Pemendekan Monosilabik : Input Disilabika)

Kata Nama (KN)

Input	Bentuk Pendek KN
emas	[mas]
emak	[ma?]
kakak	[ka?]
abang	[baŋ]
adik	[de?]
pukul	[kCɪ]
esok	[so?]

b) Kata Adjektif (KA)

Input	Bentuk Pendek KN
sedap	[dap]
sejuk	[dʒC?]
takut	[kCt]

c) Kata Kerja (KK)

Input	Bentuk Pendek KN
duduk	[dC?]
bubuh	[boh]
pergi	[gi]
mari	[mai]

Daripada ketiga-tiga kategori yang telah dibahagikan ini, data bahasa kolokial dalam bahasa Melayu (BM) menunjukkan bahawa kependekan kata nama, kata adjektif dan kata kerja bersaiz sama ada disilabik atau monosilabik. Jelas di sini bahawa bentuk pemendekan paling besar dalam BM ialah disilabik dan yang paling kecil ialah monosilabik.


## HASIL KAJIAN

### **Pembentukan Pemendekan Dari Perspektif Prosodi Morfologi**

Penjelasan tentang keperluan saiz minimum perkataan merupakan aspek penting dalam prosodi morfologi. Pendekatan Templat Berdasarkan Mofem-Morfem (TBM) yang dibangunkan dalam Teori Prosodi Morfologi mencadangkan idea bahawa keperluan saiz morfem prosodi ditentukan oleh kategori morfologi yang dimiliki oleh morfem tersebut misalnya kata akar, kata dasar atau imbuhan (Downing 2006). Maksudnya, sebelum menentukan saiz sesuatu morfem prosodi, kita mestilah terlebih dahulu mengenal pasti sama ada kategori morfologi bagi sesuatu morfem itu sama ada kata akar, kata dasar atau imbuhan. Saiz morfem

prosodi kemudiannya ditentukan oleh kategori morfologi yang telah dikenal pasti tadi (Sharifah Raihan 2015).

### B) Struktur Morfologi Kata Dasar (Downing 2006)



Lazimnya, semua imbuhan bersaiz monosilabik, manakala kata dasar yang terdiri daripada kata akar dan imbuhan adalah bersaiz disilabik. Kata dasar yang mengandungi imbuhan dan kata akar seperti dalam rajah di atas mestilah memenuhi kekangan yang dipanggil KORELASI MORFEM SUKU KATA.

### C) KORELASI MORFEM SUKU KATA (Russel 1997, dalam Downing 2006)

Kekangan ini mensyaratkan setiap morfem awalan (imbuhan) dan kata akar mesti mengandungi satu suku kata masing-masing. Oleh itu, perkataan yang terbina daripada imbuhan dan kata akar mestilah bersaiz minimum dua suku kata. Saiz minimal yang disyaratkan dalam kekangan ini bersejajaran dengan kekangan KATA DASAR PROSODI MINIMAL kerana kekangan ini juga mensyaratkan keperluan minimal dua suku kata (Downing 2006).

### D) KATA DASAR PROSODI MINIMAL (Downing 2006)



Dalam TBM perkataan yang tidak mempunyai saiz minimum disilabik, maka perkataan tersebut mestilah memenuhi prinsip minimaliti binari pencabangan perkataan. Prinsip ini diformalisasikan oleh kekangan kebertandaan yang dinamakan CABANG KEPALA dan PENCABANGAN PROSODI.


### E) CABANG KEPALA (Downing 2006)

Kepala leksikal (akar) akan mencabang secara prosodi.

## **F) PENCABANGAN PROSODI (Downing 2006)**

TBM mencadangkan mana-mana leksikal yang tidak memenuhi keperluan minimaliti saiz perkataan yang disyaratkan dalam bahasanya, maka perkataan tersebut perlulah memenuhi salah satu daripada representasi KEPALA (akar).


## **G) Representasi KEPALA (Akar) (Downing 2006)**



KEPALA dalam rajah 1 dan 2 masing-masing mengandungi dua suku kata dan dua mora sebagai anak. Manakala dalam rajah 3, KEPALA menguasai mora dengan dua anak. Setiap bahasa di dunia ini mempunyai kesesuaian KEPALA yang berbeza. Dengan memenuhi salah satu daripada representasi KEPALA yang dinyatakan di atas mampu memberikan penjelasan bagi perkataan yang tidak memenuhi syarat suku kata minimal yang dikehendaki oleh bahasa masing-masing (Sharifah Raihan 2015).

Dalam KATA DASAR PROSODI MINIMAL, kata dasar terhasil daripada imbuhan dan kata akar. Pemendekan perkataan pula wujud daripada kata dasar iaitu daripada bentuk penuhnya dengan bentuk pendeknya. Rajah di bawah menunjukkan representasi struktur kata dasar yang terhasil daripada proses pemendekan perkataan.

## **H) Representasi Pemendekan Kata Dasar (Downing 2006, dalam Sharifah Raihan 2015)**



Dalam rajah di atas, kata dasar terdiri daripada dua morfem iaitu kata akar dan bentuk pendeknya. Kedua-dua morfem yang terbina daripada proses trunkasi ini

mestilah bersaiz disilabik secara minimum. Setiap morfem ini mesti mempunyai satu suku kata. Teori ini mengandaikan bahawa output yang terhasil daripada pemendekan juga harus

secara minimum bersuku kata dua iaitu sama seperti imbuhan. Dengan pencabangan struktur morfologi seperti ini, pemendekan kata disilabik dijelaskan sebagai Kata Dasar Prosodi. Saiz minimum pemendekan yang disyaratkan oleh kekangan dipanggil Pemendekan = Kata Dasar Prosodi.

### **I) Pemendekan = Kata Dasar Prosodi (Downing 2006)**

Kebanyakan bahasa di dunia ini mempunyai bentuk kependekan yang bersaiz disilabik. Misalnya bagi kata nama dalam bahasa Jerman, saiz pendeknya adalah disilabik tanpa mengambil kira saiz pada bentuk penuhnya (Ito dan Mester 1997). Ini memenuhi keperluan syarat Kata Dasar Prosodi.

Oleh itu, kekangan ini perlu menduduki tatatingkat yang paling tinggi. Merujuk kepada data yang diperoleh dalam i.(a), (b) dan (c) input bagi kata yang bersaiz trisilabik berubah menjadi disilabik. Hal ini membuktikan bahawa kekangan Pemendekan = Kata Dasar Prosodi juga dipatuhi oleh data bagi kata nama, kata adjektif dan kata kerja dalam bahasa Melayu. Pemendekan kata disilabik yang mengalami proses pemendekan daripada bentuk penuhnya sama ada disilabik atau trisilabik, jelasnya telah mematuhi kekangan antikesetiaan DASAR≠KEPENDEKAN. Seperti dalam data yang diperoleh dalam ii. (a), (b) dan (c) input bagi kata yang bersaiz disilabik menjadi disilabik, walaupun mengambil disilabik sebagai bentuk pendeknya, berlaku sedikit perubahan dalam segmen tertentu. Oleh itu, ia masih tidak sama dengan bentuk penuhnya. Begitu juga dengan kependekan kata monosilabik yang terhasil daripada bentuk penuhnya disilabik seperti dalam iii. (a), (b) dan (c) juga telah mematuhi kekangan antikesetiaan DASAR≠KEPENDEKAN.

DASAR≠KEPENDEKAN perlu dipatuhi dalam BM kerana bentuk kata yang terhasil dalam bahasa ini adalah berbeza dengan bentuk dasarnya. Oleh itu, kekangan ini perlu diletakkan pada tatatingkat yang tertinggi. Selain kekangan di atas, terdapat beberapa kekangan yang penting dalam analisis ini iaitu DEP-IO, MAKS-IO dan MAX-BT. Di bawah ini ialah definisi bagi kekangan-kekangan yang dinyatakan:-

**DEP-IO** – Setiap segmen dalam output mesti mempunyai koresponden (wakil) dalam input (tiada penyisipan).

**MAKS-IO** – Setiap segmen dalam input semestinya mempunyai koresponden dalam output (pengguguran segmen tidak dibenarkan).

**MAX-BT** – Setiap segmen dalam kata dasar mesti mempunyai koresponden dalam bentuk trunkasinya.

Berikut merupakan interaksi kekangan-kekangan bagi menilai trunkasi bagi kata nama disilabik [su<sup>w</sup>a] daripada input trisilabik /səluwar/ dan /səlsəma/ menjadi [səmə] :-

**1. DASAR≠KEPENDEKAN >> BP =KD Prosodi >>DEP-IO >> MAX-IO >> MAX- BT**

Pemendekan Disilabik

Trisilabik - Disilabik


/səlu <sup>w</sup> ar-BP/	DASAR ≠ KEPENDEKAN	BP = KD Prosodi	DEP -IO	MAX -IO	MAX- BT
a. ☺ səlu <sup>w</sup> ar- su <sup>w</sup> a <sub>AKAR</sub>				*	ha
b. səlu <sup>w</sup> ar- səlu <sup>w</sup> ar <sub>AKAR</sub>	*!		*		
/səlsəma -BP/					
c. ☺ səlsəma- səmə <sub>AKAR</sub>				*	səl
d. səlsema- səlsema <sub>AKAR</sub>	*!		*		

Dalam tablo di atas, tatatingkat dua kekangan ini menghasilkan output disilabik sebagai bentuk pendek kata nama /səlu<sup>w</sup>ar/, /səlsəma/ dan /su<sup>w</sup>ara/. Oleh sebab kekangan antikesetiaan DASAR≠KEPENDEKAN berada pada hierarki tertinggi, maka kekangan ini meramalkan tiada output yang terhasil sama seperti kata dasar kata nama tersebut. Berdasarkan kekangan di atas, calon (b), (d) dan (f) telah

tersingkir kerana bentuk pendek yang yang terhasil adalah sama dengan bentuk penuhnya. Manakala calon (a), (c) dan (e) mengingkari tatatingkat kedua terendah iaitu MAX-IO kerana adanya pengguguran segmen. Dengan ini, calon (a), (c) dan (e) adalah calon-calon optimal.

Melalui analisis data pemendekan disilabik daripada input trisilabik didapati bahawa berlaku beberapa perilaku fonologi dalam data tersebut. Contohnya pengguguran suku kata awal, pengguguran konsonan likuid /l/ dan /r/ dan peleburan vokal berganding /u/ dan /a/.

### 1) Pengguguran suku kata awal




Rajah di atas menunjukkan pengguguran penuh yang berlaku pada suku kata pertama /sel/. Pada bahagian (a), vokal /ə/ mendapat mora lalu membentuk onset /s/ dan koda /l/. Pada bahagian (b), suku kata /sə/ digugurkan lalu membentuk

perkataan [səmə] pada bahagian (c). Daripada data yang dikumpulkan, berlaku kecenderungan dalam BM untuk menggugurkan suku kata pertama bagi kata bersaiz trisilabik. Pengguguran suku kata pertama ini bertujuan untuk memendekkan suku kata sesuatu perkataan itu menjadi bentuk yang ringkas. Namun begitu, terdapat juga perkataan saiz disilabik yang digugurkan suku kata awalnya seperti /əmas/ menjadi [mas] dan /əmaʔ/ menjadi [maʔ]. Bentuk ringkas ini berlaku kerana dalam bahasa kolokial, penutur cenderung menggunakan perkataan yang pendek dan mudah untuk berkomunikasi.


Dalam bahasa basahan atau kolokial, apabila suku kata akhir berakhir dengan vokal /a/ secara langsung akan berubah menjadi vokal /ə/. Sebagai contoh /kəreta/ menjadi [ketə]. Hal ini menepati rumus fonologi iaitu penengahan vokal. Oleh itu, suku kata akhir yang berakhir dengan vokal /a/ akan bertukar ke arah penengahan vokal iaitu /ə/. Vokal rendah /a/ yang menduduki posisi akhir kata akan mengalami proses penengahan vokal. Menurut Teoh (1994), proses perendahan vokal sangat sinonim dengan ciri-ciri bahasa Melayu.

2) Pengguguran konsonan likuida /l/ dan /r/


a)




b)



c)






Dalam gambar rajah di atas (a), vokal /ə/, /u/ dan /a/ menerima mora masing-masing dalam kata nama /səlu<sup>w</sup>ar/. Pada peringkat kedua iaitu (b), berlaku pengguguran nukleus /ə/ dan onset likuid /l/. Oleh itu, posisi onset dan nukleus yang kosong itu berada dalam keadaan yang tergantung. Akhirnya, seperti dalam rajah (d), nukleus pada suku kata pertama yang kosong tadi digabungkan dengan nukleus /u/ yang juga tergantung tanpa onset pada suku kata kedua membentuk suku kata pertama yang baharu. Berlaku geluncuran /w/ yang menjadi onset bagi suku kata kedua yang menghubungkan nukleus /a/. Namun pada peringkat penyukuan semula ini (e) berlaku pengguguran /r/ pada posisi koda.

Menurut Zaharani (1993), rumus pengguguran /r/ pada akhir kata dalam BM boleh dianggap sebagai rumus asas bahasa sumber kerana banyak dialek Melayu yang menghilangkan segmen /r/ pada akhir kata. Pengguguran konsonan /r/ pada posisi koda juga juga berlaku pada tengah perkataan seperti /kərusi/ menjadi [kusi].

### 3) Peleburan vokal berganding /u/ dan /a/

/su<sup>w</sup>ara/ [sorə]



Gambar rajah di atas menunjukkan peleburan vokal berganding /u/ dan /a/ yang berlaku dalam perkataan /suara/. Dalam rajah (a), nukleus /u/ menduduki suku kata pertama dan nukleus /a/ pula menduduki suku kata kedua. Pada bahagian (b) kedua-dua vokal ini digugurkan. Dalam bahasa Melayu kolokial, vokal bergandingan yang banyak terdapat dalam kata pinjaman akan digugurkan pada bahagian nukleus suku kata pertama dan suku kata kedua seperti juga dalam perkataan /pu<sup>w</sup>asa/ menjadi [posə] dan perkataan /ku<sup>w</sup>asa/ menjadi [kosə]. Pengguguran dua vokal ini akan digantikan dengan vokal /o/.

#### Pemendekan Disilabik

#### Disilabik-Disiabik

Berikut merupakan tatatingkat kekangan bagi menilai trunkasi bagi kata nama disilabik [katən] daripada input disilabik /kartən/-:

## 2. DASAR≠KEPENDEKAN >> BP= KD Prosodi >> DEP-IO >> MAX-IO >> MAX-BT

Golongan kata yang berinput disilabik juga walaupun menjadi disilabik pada bentuk pendeknya, tetap berlaku sedikit perubahan pada outputnya. Maka, ia masih tidak sama dengan bentuk dasarnya, dianggap telah mematuhi kekangan DASAR≠KEPENDEKAN.

/kartɔn- BP/	DASAR≠ KEPENDEKA N	BP = KD Prosodi	DEP-IO	MAX- IO	MAX- BT
a. ☺					
kartɔn- katɔn <small>AKAR</small>				*	r
b. kartɔn- kartɔn <small>KAR</small>	*!				

Dalam tablo di atas, tatatingkat dua kekangan ini menghasilkan output disilabik sebagai bentuk pendek daripada kata nama /kartɔn/. Berdasarkan kekangan di atas, calon

(b) telah tersingkir kerana bentuk pendek golongan kata yang yang terhasil adalah sama dengan bentuk penuhnya. Oleh itu, bentuk outputnya telah mengingkar tatatingkat antikesetiaan yang tertinggi iaitu DASAR≠KEPENDEKAN. Dengan ini, calon (a) adalah optimal.

Melalui analisis data pemendekan disilabik daripada input disilabik, pengkaji juga mendapati berlaku satu perilaku fonologi dalam data tersebut iaitu pengguguran konsonan /r/ pada posisi koda iaitu /warna/ menjadi [wanə] dan akhir kata seperti /cəkɔr/ menjadi [cəkɔ]. Pengguguran konsonan /r/ pada posisi koda lazimnya berlaku pada kata pinjaman seperti kartun, sardin, mercun, kertas dan sebagainya. Penjelasan bagi fenomena ini telah dijelaskan di atas. Penjelasan ini disokong oleh (Farid 1980, Teoh 1994, dan Tajul Aripin 2000) iaitu dalam BM standard, konsonan /r/ yang menduduki posisi koda dan posisi akhir kata mengalami pengguguran.



Di samping pemendekan disilabik yang telah ditunjukkan dalam dua tablo di atas, kata berinput disilabik juga menghasilkan bentuk output monosilabik. Pemendekan monosilabik yang berlaku ini memerlukan justifikasi fonologi tentang bagaimana kata yang bersaiz monosilabik muncul sebagai bentuk pendek sedangkan saiz keperluan minimal yang telah disyaratkan dalam BM ialah disilabik ((Farid 1980, Yunus 1980, Teoh 1994 dan Zaharani 2000).

Kemunculan bentuk monosilabik ini menimbulkan percaugahan tentang sistem nahu BM berkenaan dengan saiz minimal perkataan. Bagi menyelesaikan masalah keperluan saiz minimal perkataan ini, makalah ini turut memberikan penjelasan secara

teoretikal menggunakan pendekatan TBM. Menurut Sharifah Raihan (2015), proses pemendekan dalam kebanyakan bahasa adalah bersaiz disilabik seperti bahasa Jepun (Ito, 1990), Swahili (Batibo dan Rottland, 1992), Itali (Thornton, 1996) dan Jerman (Ito dan Mester, 1997) dan banyak lagi. Kependekan kata nama disilabik yang dimiliki oleh bahasa-bahasa ini telah mematuhi Kata Dasar Prosodi. Namun begitu, terdapat juga bahasa-bahasa lain yang saiz monosilabik merupakan bentuk kependekan yang wujud dalam kata nama dalam bahasa mereka. Antaranya ialah kata nama Inggeris seperti /joseph/ menjadi [joe] dan /susan/ menjadi [sue] (Downing 2006) dan kata nama panggilan ibu bapa dalam bahasa Thai seperti /salin/ menjadi [lin] dan /narut/ menjadi [rut] (Weeda 1992).

Oleh itu, melalui pendekatan TBM permasalahan seperti ini boleh digeneralisasikan sebagai morfem bebas monosilabik ialah akar prosodi yang mempunyai binaan yang kukuh (Sharifah Raihan 2015). Perbezaan antara pemendekan disilabik dan monosilabik adalah berdasarkan huraian prosodinya.

J . Representasi Dasar Prosodi dan Akar Prosodi (Downing 2006, dalam Sharifah Raihan 2015)



3) Bentuk Pendek = KD PROSODI: Kependekan Kata Dasar diuraikan sebagai KD PROSODI

Apabila kekangan ini diletakkan pada tatatingkat yang lebih tinggi, maka representasi rajah (1) adalah bentuk optimalnya.

4) Bentuk Pendek = KA PROSODI: Kependekan Kata Dasar diuraikan sebagai KA PROSODI

Apabila kekangan ini diletakkan pada tatatingkat yang lebih tinggi, maka representasi rajah (2) adalah bentuk optimalnya.

Kependekan disilabik dijelaskan sebagai dasar prosodi seperti yang diterangkan dalam pencabangan struktur morfologinya. Manakala kependekan monosilabik dijelaskan sebagai suatu unit prosodi-morfologi minimal yang boleh menentukan kata leksikal. Dasar Prosodi dan Akar Prosodi dijelaskan melalui gambar rajah (1) dan (2) di atas. Pendekatan TBM yang mempertimbangkan kemunculan saiz perkataan monosilabik dalam BM dapat menyelesaikan isu saiz perkataan yang tidak minimal ini.

#### Pemendekan Monosilabik

##### Disilabik - Monosilabik

Berikut merupakan tatatingkat kekangan bagi menilai trunkasi bagi kata nama disilabik [dud?] daripada input disilabik /dud?/:-

### **3. DASAR≠KEPENDEKAN >> KORELASI MORFEM SUKU KATA >> BP = KD Prosodi >> BP= KA Prosodi >> MAX-BT**

/dud BP Pendek	?	DASAR KEPENDEKAN	KORELASI MORFEM SUKU KATA	BP=KD Prosodi	BP=KA Prosodi	MAX-BT
a. <input type="checkbox"/> dud?	dud?					du
b. dud?	*	!	*	*		

Dalam tablo di atas, calon (a) adalah optimal bagi kata kerja /dud?/ kerana telah mematuhi kekangan-kekangan yang berada pada tatatingkat tertinggi yang menghuraikan bentuk pendek dalam calon ini sebagai kata akar yang bersaiz monosilabik. Walaupun begitu, calon (a) juga telah mengingkari kekangan paling maksimum iaitu pada bahagian MAX-BT sebanyak dua kali. Ini kerana bentuk

pemendekan [dO?] telah menggugurkan beberapa segmen daripada inputnya, maka berlaku pengingkaran.

Sebaliknya calon (b) bukanlah calon yang optimal. Hal ini kerana calon (b) telah mengambil bentuk penuh golongan kata kerja /dudO?/ sebagai bentuk pendeknya. Oleh itu, calon (b) telah ingkar kekangan tertinggi DASAR≠KEPENDEKAN. Selain itu, calon (b) juga telah ingkar KORELASI MORFEM SUKU KATA iaitu kekangan yang memerlukan saiz kecil yang optimal iaitu satu suku kata sahaja bagi akar prosodi. Akhir sekali, calon

(b) bentuk pendeknya bersaiz disilabik menyebabkan telah ingkar BP=KD Prosodi. Oleh itu, secara langsung calon (b) kalah kerana telah mengingkari kekangan pada tatatingkat tinggi yang menghendaki bentuk pendek sesuatu golongan kata kerja berbeza daripada bentuk penuhnya.

## **KESIMPULAN**

Dapatan kajian menunjukkan dalam BM terdapat dua bentuk pemendekan yang digunakan dalam bahasa kolokial iaitu disilabik dan monosilabik. Kedua-dua bentuk trunkasi ini terhasil daripada input trisilabik dan disilabik bagi output disilabik serta input disilabik bagi output monosilabik. Pendekatan TBM berasaskan templat iaitu morfem dalam Teori Prosodi Morfologi yang dibangunkan dalam TO telah mampu menghuraikan kemunculan bentuk trunkasi disilabik dan monosilabik dalam BM. Malahan, bentuk pendek monosilabik yang ternyata melanggar syarat struktur suku kata yang ditetapkan untuk BM dapat dikupas secara teoretikal. Beberapa fenomena fonologi yang berlaku dalam bahasa kolokial telah diterangkan dengan terperinci bagi menjawab beberapa isu iaitu pengguguran suku kata awal dalam kata trisilabik dan disilabik, pengguguran likuida /l/ dan /r/ dan peleburan vokal berganding /u/ dan /a/. Namun begitu, kajian lanjutan boleh dilakukan pada masa yang akan datang dengan penggunaan data yang lebih meluas misalnya pemendekan dalam dialek, bahasa sms dan sebagainya.

## **RUJUKAN**

- Alber, B. (2010). “An Exploration of Truncation In Italian” dlm. Rutgers Working Paper in Linguistics 3, hlm. 1-30. New Brunswick.
- Avram, A. (2010). “Japanese and English Name Truncations” dlm. Bucharest Working Paper in Linguistics.
- Batibo, H. M, & Rottland, F. (1992). “The Minimality Condition in Swahili Word Forms” dlm. AAP 29, hlm. 89-110.
- Cohn, A. (2003). “Truncation in Indonesian and the Minimal Word” dlm. Papers from ISMIL 7. Downing, L. J. (2006). Canonical Forms in Prosodic Morphology. Oxford: Oxford University Press.
- Farid M. Onn. (1980). Aspects of Malay Phonology and Morphology: A Generative Approach. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lipski, J. M. (1995). Spanish Hypocoristics: Towards A Unified Prosodic Analysis. Hispanic Linguistics. The Prisma Institute.
- Muhammad Marwan dan Nik Safiah Karim. (2014). Proses Pemendekan dalam Pembentukan Kata Submorphologi Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal. Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman). 2 (3). Pp. 51-65.
- Ito, Junko. (1990). “Prosodic minimality in Japanese” dlm. Proceedings of CLS 26, ii: Parasession on the Syllable in Phonetics and Phonology, 213-39.
- Ito, J. & Mester, A. (1997). “Sympathy Theory and German Truncations” dlm. B. Moren & V. Miglio (eds). University of Maryland Working Papers in Linguistics 5. University of Maryland.
- Sharifah Raihan. (2015). Pembentukan Kependekan Kata Nama Melayu. Jurnal Bahasa. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teoh Boon Seong. (1994). The Sound System of Malay Revisited. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Thornton, Anna, M. (1996). “On Some Phenomena of Prosodic Morphology in Italian : Accorciamenti, Hypocoristics and Prosodic Delimitation” dlm. Probus 8,hlm. 81-112.
- Weeda & Donald Stanton. (1992). “Word Truncation in Prosodic Morphology”. Ph.D Disertasi, University of Texas-Austin.
- Yunus Maris. (1980). The Malay Sound System. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Zaharani Ahmad. (1993). Pengimbuhan Awalan Men dengan Kata Dasar Bersuku Kata Satu: Masalah dan Penyelesaian. Jurnal Dewan Bahasa. 37 (12): 1092-1101.
- Zaharani Ahmad. (2000). “Penggandaan Separa Bahasa Melayu: Suatu Analisis Aotusegmental” dlm. Jurnal Dewan Bahasa 44:7, hlm. 722-36.
- Zaharani Ahmad. (2006).’ Kepelbagaiannya Dalam Bahasa Melayu: Analisis Tatatingkat Kekangan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **LAMPIRAN**

Borang Soal Jawab Bahasa Kolokial (Kajian Trunkasi dalam Kalangan Pelajar)

Nama:

Kolej Penginapan:

Sebutkan perkataan-perkataan di bawah :

1. Selsema
2. Harimau
3. Puasa
4. Kepala
5. Gerobok
6. Sedap
7. Sejuk
8. Duduk
9. Pergi
10. Seluar
11. Kesian
12. Seronok
13. Selekeh
14. Terajang
15. Ketawa
16. Warna
17. Kecewa
18. Emak
19. Kakak
20. Pukul
21. Abang
22. Mari
23. Sembur
24. Kerja
25. Kejar
26. Esok
27. Kertas
28. Mercun
29. Kartun
30. Adik

